

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-62
MAJLIS KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA
KUALA LUMPUR
15 JUN 2026 | HOTEL SAMA-SAMA KLIA

PERUTUSAN YB. Pengerusi MKJR Malaysia

Salam sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

- Yang Berhormat Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah, Timbalan Pengerusi MKJR Malaysia;
- YBhg. Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan, Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif, MKJR Malaysia;
- Yang Berhormat Pengerusi dan wakil MKJR Negeri;
- Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif MKJR Malaysia;
- YBhg. Tan Sri, Dato' Seri, Dato', Profesor, ahli-ahli Majlis serta para jemputan yang dihormati sekalian.

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir ke Mesyuarat Agung Tahunan MKJR Ke-62 pada hari ini. Kehadiran dan komitmen semua pihak mencerminkan kesungguhan kita bersama dalam memperjuangkan agenda keselamatan jalan raya negara.
2. Untuk makluman ahli-ahli Majlis, Mesyuarat Agung Tahunan pada tahun lepas menandakan permulaan baharu bagi MKJR apabila ia kembali aktif selepas tempoh lima tahun. Dalam tempoh setahun ini, MKJR telah membuktikan keupayaannya untuk memainkan peranan yang lebih strategik dalam memperkukuhkan agenda keselamatan jalan raya negara melalui pendekatan proaktif yang memberi tumpuan kepada penyelesaian di lapangan.
3. Justeru, saya mahu MKJR Malaysia **diperkukuhkan lagi dari segi struktur dan keupayaan operasinya** supaya ia mampu berperanan dengan lebih berkesan sebagai sebuah platform strategik di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia. Saya juga berharap kerjasama antara MKJR Malaysia dan MKJR Negeri akan terus diperkasa dalam melaksanakan intervensi keselamatan jalan raya yang berimpak tinggi.

4. Bagi menyokong usaha tersebut, saya bersetuju supaya **peruntukan sebanyak RM30,000** disalurkan **kepada semua MKJR Negeri** bagi menampung keperluan operasi serta memperkukuh pelaksanaan program keselamatan jalan raya di peringkat negeri dan komuniti.

Hadirin yang dihormati,

5. Pendekatan yang dibawa oleh MKJR kini berpaksikan kepada **Sistem Selamat**. Kita bergerak dengan satu kesedaran bersama bahawa “Sebagai manusia, kita tidak terlepas daripada melakukan kesilapan. Namun, kesilapan itu, tidak sepatutnya menuntut nyawa”. Maka, tanggungjawab kita sebagai perancang dasar, penguatkuasa, pendidik, pengeluar kenderaan, perancang jalan sehingga ke komuniti adalah untuk membina persekitaran jalan raya yang mampu melindungi semua pengguna jalan raya.

Projek Zon Sekolah Selamat

6. Atas dasar ini, MKJR sedang rancak menggerakkan projek rintis **Zon Sekolah Selamat** di 14 buah sekolah di seluruh negara yang akan memberi manfaat langsung kepada hampir 20,000 murid dan warga sekolah.

7. Beberapa insiden kebelakangan ini yang melibatkan kematian murid sekolah sememangnya meruntun hati. Statistik juga menunjukkan secara puratanya hampir 70 kemalangan berlaku di kawasan sekolah setiap tahun. Ini menunjukkan bahawa aspek **pengurusan kelajuan** dan **infrastruktur jalan** di kebanyakan sekolah masih belum pada tahap memuaskan.
8. Oleh itu, intervensi yang dilakukan oleh MKJR memfokuskan kepada pengurangan had laju di kawasan sekolah melalui penambahbaikan infrastruktur meliputi **lintasan pejalan kaki bertingkat, penyempitan jalan, pembinaan laluan pejalan kaki, dan pembangunan pulau perlindungan atau meridien**. Di sini **perubahan tingkah laku** didorong oleh *self-enforcing infrastructure*.
9. Kita mempunyai tanggungjawab untuk melindungi generasi muda dan memberi ketenangan minda kepada ibu bapa bahawa anak-anak mereka selamat dalam perjalanan pergi dan balik dari sekolah. Oleh yang demikian, saya amat berharap usaha ini akan terus diperkukuh dan diperluaskan lagi dengan sokongan daripada pihak kerajaan, sektor swasta dan komuniti setempat.

Program My Safe Road

10. MKJR juga ingin cuba menyelesaikan masalah yang sering dianggap terlalu kompleks untuk diselesaikan secara menyeluruh di peringkat nasional. Justeru itu, melalui inisiatif **My Safe Road**, kita merungkaikan masalah kepada skala yang lebih kecil supaya intervensi yang dilaksanakan menjadi lebih fokus, praktikal dan mudah dicapai.
11. Program My Safe Road menekankan prinsip **tanggungjawab bersama**, di mana kita menghimpunkan pelbagai agensi berkepentingan di peringkat daerah untuk duduk semeja, mengenal pasti isu, merancang intervensi dan memantau keberkesanannya secara berkala.
12. Contohnya, di **Nilai**, kita sedang melaksanakan intervensi yang memfokuskan kepada **pengurangan kelajuan, penambahbaikan infrastruktur dan perubahan tingkah laku** bagi mengurangkan kematian jalan raya dengan lebih efektif.
13. Bayangkan jika setiap daerah di negara ini berjaya mengurangkan kadar kematian jalan raya secara konsisten, kesan terkumpulnya akan memberi sumbangan yang amat besar kepada pengurangan statistik kematian jalan raya di peringkat nasional.

14. Program ini adalah model yang menunjukkan diagnosis isu tempatan mampu melahirkan penyelesaian tempatan yang akhirnya membentuk perubahan yang mampan.

Program Fellowship Kepimpinan Keselamatan Jalan Raya

15. Sekiranya kita benar-benar ingin melihat perubahan dalam hasil yang dicapai, maka kita memerlukan lebih ramai individu yang mampu memacu perubahan tersebut. Perubahan tidak berlaku hanya melalui dasar dan perancangan, tetapi bergantung kepada **keputusan berasaskan data** dan **menterjemahkan dasar kepada tindakan** yang memberi impak nyata.
16. Atas sebab itu, MKJR melaksanakan **Program Fellowship Kepimpinan Keselamatan Jalan Raya dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia**. Program ini merupakan pelaburan jangka panjang untuk membentuk barisan pemimpin muda merentas agensi yang akan menerajui perubahan, mengukuhkan kerjasama antara agensi dan mempengaruhi budaya kerja di organisasi masing-masing berasaskan pendekatan sistem selamat.

Hadirin yang dihormati,

Indeks Keselamatan Jalan Raya

17. Dalam usaha kita memperkukuh intervensi keselamatan jalan raya, keupayaan untuk membuat keputusan berasaskan data juga perlu dipertingkatkan. Selama ini, ukuran pencapaian tertumpu kepada angka kematian, sedangkan angka tersebut hanyalah petunjuk akhir (*lagging indicator*). Kita memerlukan satu pendekatan yang lebih dinamik melalui pembangunan ***leading indicators*** untuk mengenal pasti tahap risiko, kerentanan sistem serta keberkesanan intervensi secara berterusan.
18. Sehubungan itu, MKJR akan menerajui pembangunan **Indeks Keselamatan Jalan Raya** di lokasi-lokasi yang dikenal pasti. Indeks ini akan mengukur **tahap pematuhan undang-undang dan perubahan tingkah laku** pengguna jalan raya di lokasi berisiko tinggi **secara berkala**. Ini merupakan satu anjakan penting daripada intervensi yang bersifat reaktif kepada pendekatan yang lebih **proaktif** untuk kita membuat keputusan **berorientasikan data**.

Hadirin sekalian,

19. Sejak tiga dekad yang lalu, negara kita telah mencatatkan kematian akibat nahas jalan raya yang tinggi. Kita seolah-olah berada dalam keadaan *plateau*, di mana angka

kematian kekal tinggi saban tahun walaupun pelbagai usaha dan intervensi telah dilaksanakan. Statistik daripada Polis Diraja Malaysia menunjukkan **lebih 6,600** kematian direkodkan pada tahun 2025, dengan **66 peratus** daripadanya melibatkan **penunggang dan pembonceng motosikal**. Golongan **belia** antara umur 16 hingga 30 tahun terus menjadi kumpulan berisiko tinggi dengan purata **35 peratus** kematian setahun. Angka-angka ini mencerminkan keperluan untuk kita melihat semula pendekatan sedia ada.

20. MOT dan agensi-agensi di bawahnya dalam tempoh setahun yang lalu telah melaksanakan pelbagai inisiatif penting dalam memperkukuh agenda keselamatan jalan raya negara. Antaranya termasuk pelaksanaan mandatori Sistem Brek Anti-Kunci (ABS) bagi motosikal baharu berkapasiti 150cc ke atas bermula tahun 2025, penguatkuasaan lebih tegas terhadap kenderaan berat, inisiatif MyLesenB2 Sekolah, Ops Selamat sepanjang musim perayaan, pemeriksaan dan audit keselamatan kenderaan perdagangan, serta kempen keselamatan jalan raya yang dilaksanakan secara berterusan.
21. Namun demikian, kita masih lagi jauh daripada mencapai sasaran pengurangan 50 peratus kematian menjelang tahun 2030.

22. Pendekatan Sistem Selamat menekankan bahawa **tanggungjawab** melindungi nyawa di jalan raya tidak boleh diletakkan kepada pengguna semata-mata, tetapi perlu dipikul **bersama** oleh semua pihak. Justeru, saya menyeru semua agensi kerajaan, swasta, dan ahli-ahli MKJR yang hadir pada hari ini untuk bersama-sama berganding bahu menyumbang kepakaran, dan mengukuhkan kerjasama strategik demi memelihara keselamatan pengguna di jalan raya.
23. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan penghargaan kepada semua ahli MKJR dan rakan strategik atas komitmen yang berterusan.
24. Saya berharap Mesyuarat Agung Tahunan pada hari ini akan menjadi platform yang produktif untuk kita bertukar pandangan, memperkukuh kerjasama, dan merangka hala tuju yang lebih jelas demi menjamin keselamatan pengguna jalan raya.

Sekian, terima kasih.